

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 3 OKTOBER 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 26

### Unjuran defisit belanjawan kerajaan kekal 4.9 peratus

## Unjuran defisit belanjawan kerajaan kekal 4.9 peratus

**Kuala Lumpur:** BMI mengemukakan unjuran defisit belanjawan kerajaan Malaysia 2023 pada 4.9 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) berbanding 5.6 peratus pada 2022.

Dalam satu laporan yang dikeluarkan semalam, cabang Fitch Solutions itu berkata, unjuran itu tinggi sedikit berbanding unjuran kerajaan iaitu pada 5.0 peratus.

“Sehingga separuh pertama 2023, hasil dan perbelanjaan kerajaan Persekutuan hampir seiring dengan unjuran yang ditetapkan pada awal tahun dan trajektori ini, kami percaya kerajaan berada di landasan betul untuk mencapai sasarannya.

“Melihat ke hadapan, kami menjangkakan defisit belanjawan akan menguncup kepada 4.3 peratus daripada KDNK pada 2024,” katanya.

Sementara itu, BMI juga

meramalkan pertumbuhan hasil menjadi perlahan sedikit kepada 15.3 peratus daripada KDNK pada 2023 daripada 16.5 peratus daripada KDNK pada 2022 disebabkan pengurangan cukai pendapatan perlu dibayar untuk pendapatan tertentu.

“Sehingga separuh pertama 2023, kutipan hasil kerajaan Persekutuan berada pada 51.1 peratus daripada sasaran 2023 dan berada di atas purata lima tahun sebanyak 47.8 peratus.

“Kutipan hasil separuh pertama 2023 berada pada RM148.4 bilion, naik 16.8 peratus tahun ke tahun dan terutamanya disebabkan peningkatan kutipan hasil cukai,” katanya.

Ia berkata, jumlah hasil cukai daripada cukai langsung dan tidak langsung meningkat 17.4 peratus tahun ke tahun pada separuh pertama 2023 kepada RM54.7 bilion.